



**JABATAN KEJURUTERAAN**  
**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

Lampiran 2

**SYARAT-SYARAT AM BERKAITAN DENGAN KERJA-KERJA PEMASANGAN  
KEMUDAHAN DI KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA (MPAJ)**

---

1. Tertakluk kepada Undang-Undang Kecil Kerja Di Jalan 1996 serta Akta Jalan Parit Dan Bangunan (Akta 133) Seksyen 40 dan Akta Pengangkutan 1987 (Akta 333) Seksyen 85.
2. Surat pemakluman kepada pihak polis berkenaan kerja-kerja yang hendak dilaksanakan (jika perlu).
3. Salinan surat pemakluman kepada pihak polis (jika berkaitan) hendaklah dikemukakan kepada pihak Jabatan Kejuruteraan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) sebelum kerja-kerja dimulakan ditapak.
4. Kebenaran kerja tertakluk kepada masa berikut:-
  - (a) Isnin hingga Jumaat - 8.00 pagi hingga 6.00 petang
  - (b) Sabtu - 8.00 pagi hingga 1.00 petang
5. Pemohon perlu mendapatkan kebenaran bertulis daripada pihak Majlis terlebih dahulu sekiranya ingin melaksanakan kerja-kerja diluar waktu yang telah ditetapkan.
6. Waktu tidak dibenarkan bekerja:-
  - (a) Hari Ahad
  - (b) Cuti umum (termasuk cuti umum bagi Negeri Selangor)
7. Papan tanda yang mencukupi hendaklah disediakan mengikut sepertimana pelan-pelan yang dikemukakan.
8. Notis Pemberitahuan/taklimat perlu diselaraskan oleh pemohon dengan penduduk sekitar kawasan yang terlibat dengan kerja-kerja korekan yang akan dilaksanakan.
9. Bahan-bahan binaan dan jentera yang akan diletakkan di tapak perlu mendapat kebenaran daripada pihak Majlis dan ianya hendaklah diselenggara dengan baik dan tidak mengganggu kelancaran lalulintas serta tidak membahaya kepada orang awam.
10. Perlu memastikan jalan-jalan yang telah dikorek hendaklah dibaikpulih serta merta dan boleh digunakan oleh orang awam.

Lampiran 2

11. Kerja-kerja membaikpulih hendaklah dilaksanakan dengan serta merta sekiranya berlaku sebarang kerosakan ke atas kerja-kerja turapan yang telah dilaksanakan.
12. Keputusan ujian ketebalan premix (coring test) perlu dikemukakan kepada pihak Majlis selepas kerja-kerja turapan akhir siap dilaksanakan.
13. Menjalankan kerja membaikpulih jalan dengan kaedah (Mill And Pave) dengan saiz turapan adalah selebar jalan sedia ada dan minima 50mm tebal terpadat dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh siap kerja-kerja korekan (turapan akhir).
14. Jika permukaan jalan yang dikorek tidak dapat diperbaiki dengan segera kepingan besi bersaiz yang sesuai dengan ketebalan minima 12mm hendaklah digunakan sebagai penutup sementara.
15. Memastikan semua kerosakan yang berlaku ke atas infrastruktur dan perabot jalan sediada dibaikpulih seperti keadaan asal.
17. Mengecat semula di mana berkenaan garisan permukaan jalan seperti garisan lorong, anak panah, petak kuning dan sebagainya dengan menggunakan cat 'thermoplastic'.
18. Perlu mengemukakan kepada pihak Majlis laporan bergambar keadaan tapak sebelum, semasa dan selepas semua kerja-kerja korekan dan pemasangan kemudahan siap sepenuhnya termasuk kerja-kerja pembaikan yang dilaksanakan.
19. Perlu memaklumkan kepada pihak Majlis secara bertulis apabila kerja-kerja telah siap dilaksanakan ditapak mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan bagi tujuan "Perakuan Siap Kerja" dikeluarkan.
20. Perlu mengemukakan kepada pihak Majlis satu (1) set pelan 'siap bina' di atas linen bersaiz A1 (disahkan oleh Jurutera Berdaftar) dan juga dalam format digital yang menunjukkan tapak dan lokasi serta butir-butir pemasangan kemudahan yang dilaksanakan.
21. Perlu mengemukakan permohonan lanjut tempoh permit kepada pihak Majlis sekurang-kurangnya 2 minggu sebelum tempoh permit sediada tamat.
22. Pihak Majlis berhak memberhentikan sebarang kerja yang dijalankan dan menarik balik kelulusan yang diberikan atau menambah syarat-syarat yang diperlukan pada bila-bila masa.